



483121-H

PELAWAAN MEMBERI CADANGAN

Tawaran adalah dibuka kepada semua syarikat yang berdaftar dengan Universiti Selangor (UNISEL) yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai pelawaan berikut:

**REQUEST FOR PROPOSAL BAGI MELAKSANAKAN PROJEK PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK
MELALUI SISTEM CEKAP TENAGA DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN UNISEL, KAMPUS
BESTARI JAYA, UNTUK TETUAN UNIVERSITI SELANGOR**

No. Kontrak: UNISEL/JPP/BJ(TT)/2019-01

Tarikh Tawaran & Tutup

Tarikh Tawaran: 7 Februari 2019 (Khamis)

Tarikh Tutup: 22 Februari 2019 (Jumaat)

Tarikh, Masa dan Lokasi Taklimat Tapak

Tarikh	Masa	Lokasi
13 Februari 2019 (Rabu)	10:00 pagi	Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Bangunan Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya.

Syarikat yang layak menyertai tawaran RFP ini ialah syarikat yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) sebagai Syarikat Perkhidmatan Tenaga (*Energy Service Company, ESCO*). Pelaksanaan projek penjimatan tenaga elektrik ini ialah melalui Sistem Cekap Tenaga (*Energy Performance Contracting, EPC*) dibawah Green Technology Services Code (222801).

Syarikat diwajibkan menghadiri sesi lawatan dan taklimat tapak pada waktu yang ditetapkan. Hanya syarikat yang layak menyertai tawaran RFP sahaja yang dibenarkan hadir. Penilaian dokumen cadangan juga hanya akan dilakukan berdasarkan kehadiran semasa sesi lawatan dan taklimat berkenaan.

Syarikat perlu menghantar dokumen cadangan menerangkan mekanisma pelaksanaan sistem, langkah-langkah pemuliharaan tenaga (*Energy Conservation Measures, ECM*) atau *retrofitings* yang akan ditawarkan, proses pemantauan penggunaan tenaga elektrik, analisis penjimatan, penetapan tempoh EPC, jumlah peratusan bayaran kepada ESCO dan anggaran peratus jaminan penjimatan tenaga dan pengurangan bil elektrik yang boleh dicapai sepanjang tempoh EPC.

Syarikat wajib menyertakan salinan sijil pendaftaran sebagai ESCO bersama-sama dengan dokumen cadangan, selain salinan Perakuan Pendaftaran Asal, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (LPIP/CIDB) dan Kementerian Kewangan, serta salinan sijil staf sepenuh masa yang berdaftar dengan ST sebagai Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar (Registered Electrical Energy Manager, REEM).

Universiti Selangor (UNISEL) mempunyai hak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau penerangan lanjut, pembida boleh berhubung melalui e-mel kepada (tenderjpp@unisel.edu.my)

Dokumen cadangan yang telah lengkap diisi dan dilakri serta ditulis di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di:

Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Aras Bawah, Blok Y, Universiti Selangor, Kampus Shah Alam,
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7, 40000, Shah Alam, Selangor.

Tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** sebelum atau pada tarikh tutup **22 Februari 2019 (Jumaat)** seperti yang dinyatakan di atas. Dokumen cadangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

